

**UMNO tidak boleh dikaitkan dengan Perkasa  
Utusan Online  
15 Mei, 2012**

PULAU PINANG 14 Mei - UMNO tidak boleh dikaitkan dengan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) kerana parti itu tidak mempunyai kuasa atau hak untuk mengawal pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, pihak tertentu tidak patut menuduh UMNO berada di belakang setiap aktiviti atau program yang dijalankan oleh Perkasa.

Selain itu menurutnya, tidak semua yang dilakukan oleh Perkasa dipersetujui oleh UMNO.

"Perkasa adalah Perkasa, UMNO adalah UMNO.

UMNO parti politik manakala Perkasa adalah NGO yang tidak dapat kita kawal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa penyelarasan Barisan Nasional (BN) negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan pihak tertentu yang mengaitkan UMNO dengan tindakan kira-kira 30 ahli Perkasa yang meletakkan gambar Ketua Menteri, Lim Guan Eng dikalungkan bunga di dua tempat di bandar ini Khamis lalu. Ia sebagai simbolik bahawa Setiausaha Agung DAP itu tidak diperlukan lagi oleh rakyat di negeri itu.

Gambar tersebut diletakkan di pintu pagar banglo Guan Eng di Jalan Pinhorn dan di tangga berdekatan pintu masuk utama Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini yang menempatkan pejabat pentadbiran kerajaan DAP Pulau Pinang.

Selain itu, sebanyak 4,000 keping poster yang tertera gambar Guan Eng dan perkataan 'Lim Guan Eng Anti Melayu' ditampal pada tembok di banglo berkenaan dan dibiarkan berselerak di ruang legar Komtar.

Zainal Abidin memberitahu, UMNO sendiri tidak bersetuju dan mengiktiraf perbuatan tersebut.

"Politik ada hadnya. UMNO juga tidak bersetuju kalau kediaman keluarga seseorang dicerobohi atas sebab-sebab politik," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm)